



TEKS  
KHUTBAH  
NEGERI PAHANG  
SIRI 01/2025



## EKSTREMISME ATAU KETAKSUBAN

10 JANUARI 2025 / 10 REJAB 1446H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيهَا عِبَادَ اللّٰهِ ، إِتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللّٰهِ ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ‘Azza wa Jalla,

Dalam al-Quran, umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam disifatkan sebagai umat yang terpilih, yang turut dikenali sebagai *ummatan wasatan*. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Baqarah ayat 143:

وَكَذِلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ

**Yang bermaksud:** “*Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah).*”

Menurut Imam Ibn Kathir RH, *ummatan wasatan* bermaksud umat yang terbaik. Sementara Imam Ibnu Jarir al-Tabari RH pula menjelaskan bahawa *wasatan* itu memberi maksud sebaik-baik perkara adalah pertengahan. Melakukan sesuatu secara berlebihan-lebihan adalah melampau, manakala kurang melakukannya pula adalah kecuaian dan kedua-duanya dikeji dalam agama. Demikian juga, sekiranya umat Islam gagal untuk menjadi *ummatan wasatan*, maka akan lahirlah sikap melampau atau ekstrem dan berkembangnya kejahilan dalam masyarakat.



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Sikap melampau (ekstremisme) dalam kepercayaan atau pegangan bermaksud bersikap taasub serta fanatik buta terhadap sesuatu. Sikap ini membawa keyakinan bahawa hanya mereka sahaja yang benar, manakala pihak lain dianggap salah, sesat, batil, atau kufur. Lantaran itu, muncul dakwaan seperti, "Kami sahaja yang paling Islam," "Kami sahaja pendukung sunnah," atau "Kami sahaja masuk syurga."

Sikap melampau ini merupakan salah satu ujian Allah Taala ke atas masyarakat. Ekstremisme pernah menimpa umat terdahulu sebagaimana firman Allah Taala dalam Surah al-Ma''idah ayat 77:

قُلْ يَأَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوْ فِي دِينِكُمْ عَيْرَ الْحِقْ وَلَا تَتَّبِعُوا هَوَاءَ قَوْمٍ قَدْ ضَلَّوْ مِنْ قَبْلٍ وَاضْلَلُوا أَكْثِرًا وَضَلُّوا عَنْ

سَوَاءَ الْسَّبِيلِ

**Yang bermaksud:** "Katakanlah: "Wahai Ahli Kitab! Janganlah kamu melampau dalam agama kamu secara yang tidak benar, dan janganlah kamu menurut hawa nafsu suatu kaum yang telah sesat sebelum ini dan telah menyesatkan banyak manusia, dan juga (sekarang) mereka telah tersesat (jauh) dari jalan yang betul."

Ayat ini diturunkan sebagai teguran kepada ahli kitab yang terlalu melampau menghormati Nabi mereka hingga disembah sebagai Tuhan. Apabila ditegur agar kembali ke pangkal jalan, mereka secara keras menolak, dan sanggup melakukan tindakan yang melampau (ekstrem).



## Sidang Jumaat sekalian,

Sebab-sebab utama yang mencetuskan ekstrem dalam beragama antaranya ialah:

1. Mentafsirkan nas-nas syarak mengikut hawa nafsu dan akal masing-masing.
2. Bergantung kepada sumber yang tidak berautoriti atau sumber-sumber yang tidak muktabar.
3. Mencari pengaruh untuk kepentingan tertentu dan menurut hawa nafsu.

Selain merosakkan akidah, sikap ekstremisme ini akhirnya menyebabkan saudara se-Islam dicemuh, dijatuhkan, dizalimi, jenazahnya tidak disolatkan, dan lebih parah lagi darah seorang Muslim dianggap halal untuk ditumpahkan. Ia bermula dengan sikap suka melabel rakan seakidah mereka dengan panggilan munafik, ahli bid'ah mahu pun khawarij, semata-mata kerana berbeza dalam perkara furu'dalam agama. Akhirnya sikap melampau ini membawa kepada budaya takfiri, iaitu terlalu bermudah untuk mengkafirkan atau menyesatkan orang lain.

Islam menolak keras segala gerakan yang menggugat keamanan dalam apa jua bentuk, termasuklah yang dibawa oleh pelampau agama. Sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Nasa'i:



وَإِيَّاكُمْ وَالْعُلُوُّ فِي الدِّينِ إِنَّمَا أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ الْعُلُوُّ فِي الدِّينِ

**Yang bermaksud:** "Dan jauhilah sikap melampau dalam beragama, sikap melampau dalam beragama telah membinasakan orang-orang sebelum kamu. "

### Sidang Jumaat sekalian,

Ancaman gerakan pelampau agama ini perlu diberi perhatian oleh semua pihak kerana ia membabitkan masalah keselamatan rakyat. Sekiranya ancaman ini tidak dibendung, pasti akan mengakibatkan keruntuhan sesebuah bangsa dan mencetuskan huru-hara di dalam negara.

Bagi mengelakkan penyakit ketaasuhan ini membarah, kerajaan pusat telah membangunkan Pelan Tindakan Malaysia bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (MyPCVE). Pelan ini merupakan garis panduan utama dalam menyelaras peranan, strategi, dan inisiatif tindakan oleh pelbagai sektor kerajaan, swasta, media massa, pendidikan, serta pelbagai kategori kumpulan masyarakat. Ia menyasarkan untuk menangani ancaman fahaman pelampau keganasan melalui empat teras utama, iaitu pencegahan, penguatkuasaan, pemulihan dan pengukuhan.

Dalam konteks negeri Pahang pula, bagi mengukuhkan kesederhanaan dan menanam keharmonian masyarakat, kerajaan negeri menyeru supaya umat Islam sentiasa berpegang teguh dengan pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah melalui manhaj



Asya'irah dan Maturidiyah, mengamalkan fekah Mazhab Shafi'e serta meraikan pandangan mazhab muktabar yang lain, serta berusaha mendalami tasawuf yang murni berdasarkan ajaran Imam al-Ghazali dan Imam Junaid al-Baghdadi. Janganlah mempertikaikan amalan yang dianggap khilaf dalam agama, seperti membaca Yasin pada malam Jumaat, tahlil untuk si mati, solat hajat berjemaah dan lain-lain, seperti fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang. Keingkaran terhadap fatwa tersebut merupakan kesalahan berdasarkan Enakmen Undang-undang kesalahan Jenayah Islam Pahang 2013 (Seksyen 13).

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita sama-sama menghayati dan mengambil pengajaran berikut:

1. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa Islam adalah agama yang mudah, sederhana, dan praktikal, sesuai dengan fitrah kejadian manusia serta mampu diamalkan dalam semua situasi, masa dan tempat.
2. Umat Islam hendaklah menjauhi sikap ekstrem dan radikal yang hanya akan membawa kepada fitnah, kemudaratan dan kehancuran negara.
3. Umat Islam hendaklah berpegang kepada sumber berautoriti dan muktabar bagi mengelakkan terjerumus ke dalam ekstrimisme.

Marilah kita bersama-sama dengan ulil amri, untuk mencegah dan membendung sikap ekstremisme ini daripada membarah dalam masyarakat dengan melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat golongan yang ekstrim yang boleh mengugat keharmonian.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَاصْلِحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ  
وَالدِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمَنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.